



29 NOV, 2025

## 2 pencawang terjejas

Harian Metro, Malaysia



## 2 pencawang terjejas

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menutup bekalan elektrik sekitar Kuala Selangor, Selangor susulan hujan berterusan dan keadaan banjir yang melanda kawasan terbabit.

Menerusi hantaran di Facebook, TNB memaklumkan dua pencawang elektrik yang terjejas membabitkan Jalan Rizab Masjid dan dan Southern Reality Ladang Bukit Ijok.

“Penutupan bekalan oleh TNB ini demi keselamatan pengguna setempat,” menurut kenyataan itu.

TNB turut menasihati pengguna supaya menutup semua suis di soket alir keluar dan menang-galkan palam kuasa per-

alatan elektrik.

Berikutan ribut dan hu-jan lebat di beberapa ka-wasan sekitar Nilai dan Port Dickson, Negeri Sem-bilan, TNB memaklumkan kerja-kerja pemulihan bekalan elektrik dijangka mengambil masa panjang kerana banyak pokok tumbang yang menghemp-pap tiang dan talian TNB.

“Orang ramai dinasihatkan tidak menghampiri talian TNB yang jatuh atau mana-mana pepasa-ngan elektrik yang rosak.

“Pasukan teknikal sedang berusaha untuk memulihkan bekalan termasuk mengutamakan kese-lamatan semua pihak se-masa kerja-kerja pemulih-an bekalan,” menurut ke-nyataan itu.